

Banjir di Sabah, Sarawak

# Anwar arah NADMA selaras operasi, utama keselamatan

6,692 mangsa banjir di Sarawak, 3,929 di Sabah dipindahkan ke PPS setakat 4 petang semalam

Oleh Latifah Arifin dan Muhammad Zuisyamini  
Sufian Sun  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pihak berkaitan, termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memperkukuh jentera dan penyelarasan, berikutan situasi banjir di Sabah dan Sarawak yang semakin serius.

Perdana Menteri berkata, keutamaan kini ialah kebajikan mangsa banjir serta keselamatan penduduk di kawasan terkesan.



Unit Dron Angkatan Pertahanan Awam Sarawak merakam penduduk yang terputus hubungan akibat jalan dinaiki air banjir di Serian.

(Foto BERNAMA)

"Berdukacita menerima perkhabaran situasi banjir yang semakin buruk di Sabah dan Sarawak. Saya zahirkan simpati pada ribuan saudara kita di sana yang terkesan dengan bencana ini.

"Saya juga mengarahkan NADMA memperkemas penyelarasan seluruh kekuatan jentera agensi Persekutuan dan negeri," katanya, semalam.

Anwar turut memaklumkan Jabatan Pendidikan Negeri di kedua-dua negeri terbabit turut diarah mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terjejas, dapat menjalani peperiksaan dengan selamat dan kondusif.

Sementara itu, di Bagan Datuk, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara sudah menggerakkan aset ke 13 kawasan dengan taburan hujan tinggi hingga mengakibatkan banjir di Sarawak, termasuk bagi pembinaan jambatan sementara atau jambatan Bailey.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata penyelarasan dilakukan oleh Angkatan Tentera Malaysia

(ATM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk pembinaan jambatan berkenaan dalam tempoh 72 jam, selain kerjasama baik di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam menguruskan banjir.

"Dari segi kesiapsiagaan aset, semua itu memang kita sudah siap siaga, termasuk aset asetnya (bagi membaik pulih) jambatan yang runtuh dan sebagainya untuk langkah segera, termasuk untuk adakan jambatan Bailey.

"Kita sudah koordinasikan dengan Kor Jurutera ATM serta pihak JKR untuk membina jambatan Bailey dalam tempoh 72 jam selepas kajian terperinci mengenai kesesuaian muka bumi dibuat," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk berkata demikian selepas Sesi Ramah Mesra dan Taklimat Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Menengah Imtiyaz Tuminah Hamidi di sini, semalam.

## 46 PPS dibuka

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata, setakat jam 4 petang semalam, terdapat 6,692 mangsa banjir di Sarawak, membabitkan 46 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka dan 3,929 mangsa di Sabah.

Beliau berkata, terdapat, 13 stesen meteorologi utama yang merekodkan taburan hujan melebihi 20.0 milimeter (mm) harian di Sarawak, kadar yang melebihi daripada purata hujan bulanan.

"Saya sering mengingatkan Monsun Timur Laut ini (mula) daripada Semenanjung dan akan berpindah ke Sabah dan Sarawak sehingga dijangka tamat pada akhir Mac.

"Kita minta (penduduk) di kawasan yang dijangka menerima



Penduduk bersama Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bintulu membantu memindahkan mangsa banjir di Taman Bandar Jaya Lorong Alamanda.

(Foto BERNAMA)



Anggota bomba membantu mangsa banjir berpindah ke PPS di Sibul, semalam.

(Foto ihsan JBPM)

jumlah luruan hujan melebihi daripada biasa untuk siap siaga. Kekhawatiran kita apabila air pasang bersama-sama dengan limpahan air hujan, yang menjadikan keadaan itu harus untuk dilakukan pemindahan lebih awal.

"Bahkan MetMalaysia (Jabatan Meteorologi Malaysia) sudah mengeluarkan amaran dan SOP

(prosedur operasi standard) yang perlu dilakukan, iaitu harus berpindah sekurang-kurangnya tiga hari sebelum berlaku luruan hujan yang dijangka.

"Tetapi jadi masalah apabila ada yang tidak berpindah dan hanya berpindah apabila paras air sudah sampai ke bumbung," katanya.